



## SIARAN MEDIA

### PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR AWAM DAN PEMBINAAN RUMAH MADANI RAKYAT DITERUSKAN DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT PERAK

**TAIPING, 22 Julai 2023** – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM10.8 juta kepada Majlis Perbandaran Taiping, Kampung Baru Cina Daerah Larut Matang dan Kampung Baru Cina Daerah Selama bagi menaik taraf dan menyelenggara infrastruktur awam di kawasan tersebut.

YB KM telah turun padang dalam siri lawatan kerja beliau sempena Program Sentuhan Kasih KPCT pagi ini bagi meninjau keperluan kemudahan awam serta infrastruktur di Pasar Basah Aulong, *Base Camp* Bukit Larut, Pasar Awam Taiping dan *Resthouse* Lagenda.

YB KM telah mengumumkan peruntukan berjumlah RM1.32 juta yang melibatkan projek-projek BP.1 seperti kerja-kerja menaik taraf banglo / rumah rehat di Bukit Larut dan kerja-kerja menaik taraf Dataran Warisan. Manakala peruntukan berjumlah RM4.159 juta pula kepada Bahagian Kampung Baru Cina melibatkan kerja-kerja menaik taraf infrastruktur dan kemudahan awam seperti jalan, longkang konkrit, gelanggang permainan dan pagar padang di Kampung Baru Cina Daerah Larut Matang dan Kampung Baru Cina Daerah Selama.

Oleh itu, sehingga Julai 2023, KPCT telah meluluskan 19 projek dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM6.65 juta kepada Majlis Perbandaran Taiping termasuk projek-projek seperti menaik taraf infrastruktur di Kampung Larut, menaik taraf Pasar Pokok Assam, menaik taraf bumbung Pasar Aulong, menyelenggara kolam-kolam takungan, pembinaan kiosk-kiosk dan lain-lain.

Menurut YB KM, “Jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) bagi seluruh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Perak yang telah diluluskan sehingga Julai 2023 adalah berjumlah RM51.5 juta. Kerajaan Persekutuan yakin ‘sentuhan kasih KPCT’ yang telah diberikan adalah berdasarkan keperluan menerusi inisiatif KPCT dalam memastikan keselesaan dan kesejahteraan penduduk Perak. Ia merupakan “*performance-based budget*” atau peruntukan berlandaskan pelaksanaan bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPCT terhadap kesejahteraan rakyat dapat terus dipertingkatkan.”

Dalam rangka lawatan tersebut, YB KM turut menghadiri Majlis Pecah Tanah Program Rumah MADANI Rakyat di Aulong, Perak. Pembinaan Rumah MADANI Rakyat di bawah Program Bina Baharu Rumah Kampung Baru ini adalah menggunakan peruntukan KPKT sepenuhnya di mana Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah dipertanggungjawabkan sebagai agensi pelaksana. Dengan had nilai bantuan maksimum sehingga RM70,000 seunit, Rumah MADANI Rakyat ini dibina dengan keluasan 660 kaki persegi merangkumi 3 bilik tidur dan 2 bilik air.

YB KM berkata, "Program Bina Baharu Rumah Kampung Baru, Rumah MADANI Rakyat ini diwujudkan untuk meningkatkan kualiti kehidupan keluarga luar bandar serta membina rumah kediaman yang lebih selamat dan selesa sebagai asas pertumbuhan sesebuah keluarga. Oleh itu, pembinaan Rumah MADANI Rakyat ini merupakan antara 22 unit rumah yang bakal dibina di Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Selangor. Daripada jumlah tersebut, negeri Perak mempunyai penerima paling tinggi iaitu sebanyak 12 buah unit."

Turut hadir semasa lawatan kerja tersebut ialah YB Wong Kah Woh, Ahli Parlimen Taiping; YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Dan Persekutaran Mampan) KPKT; YBhg. Dato' Fadzli bin Mohd Kenali, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan ketua jabatan peringkat negeri dan daerah.

KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) akan sentiasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Malaysia bagi merealisasikan perancangan pembangunan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat.

#MalaysiaMADANI  
#StrongerTogether  
#DemiPertiwi  
#UnityInDiversity

---

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 55551 Faks : 03-8891 55571 E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

